

TAHAP KOMPETENSI LULUSAN DIPLOMA AKAUNTANSI POLITEKNIK :
SATU KAJIAN PERSEPSI MAJIKAN

FAUZAN BT AB. RAHMAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077645 4

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : TAHAP KOMPETENSI LULUSAN DIPLOMA AKAUNTANSI
POLITEKNIK : SATU KAJIAN PERSEPSI MAJIKAN

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya FAUZAN BT AB. RAHMAN (730707-03-5464)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan Organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan.

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
**Lot 2495, Kg. Parit, Peringat,
16400 Kota Bharu, Kelantan.**

EN. MOHD IZAM BIN GHAZALI


Nama Penyelia

Tarikh: 23 SEPTEMBER 2002

Tarikh: 23 SEPTEMBER 2002

- CATATAN
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : EN. MOHD IZAM BIN GHAZALI
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

TAHAP KOMPETENSI LULUSAN DIPLOMA AKAUNTANSI POLITEKNIK :
SATU KAJIAN PERSEPSI MAJIKAN


FAUZAN BT AB. RAHMAN
(GT 010026)

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 

Nama Penulis : FAUZAN BT AB. RAHMAN

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

*Buat suami tercinta, Makhtar bin Che Soh,
...cinta, kasih sayang dan pengorbananmu menjadi kekuatan buatku*

*Buat puteri tersayang, Nur Adlina dan anak yang bakal dilahirkan,
...kerana kalian ummi berjuang*

*Buat ayahanda Ab. Rahiman dan bonda Paishariah yang tercinta,
...dorongan dan kasih sayang ayah bonda yang tak pernah bertepi tidak akan dapat
anakanda lupakan*

*Buat kakak dan adik-adik yang disayangi, kak, Dah, Nani, Fadhil, Lina, Fahmi,
Adik, Abang, In dan Ana
...tiada jalan mudah untuk berjaya, teruskan perjuangan masing-masing*

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya penulis telah berjaya menghasilkan satu kajian yang bertajuk “Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik : Satu Kajian Persepsi Majikan”. Berkat sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, En. Mohd Izam bin Ghazali di atas segala bantuan, tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Tidak ketinggalan penghargaan ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Kota Bharu (PKB), Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) dan Politeknik Kuching (POLIKU) yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam proses menjalankan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya.

ABSTRAK

Perubahan persekitaran yang berlaku di dalam dunia perniagaan telah memberi tekanan kepada profesion perakaunan. Profesion menghadapi cabaran yang datang bersama-sama perkembangan di dalam ekonomi global yang menuntut kompetensi dalam aspek-aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian yang berbentuk deskriptif ini bertujuan meninjau persepsi majikan terhadap tahap kompetensi lulusan Diploma Akauntansi Politeknik dalam aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan etika kerja. Populasi kajian adalah majikan kepada lulusan Diploma Akauntansi daripada tiga buah politeknik iaitu Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah dan Politeknik Kuching, Sarawak. Borang soal selidik dihantar melalui pos kepada 66 orang responden dan 25 borang telah dikembalikan. Dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) Versi 10.0, data-data dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan peratusan dan nilai min. Dapatan kajian menunjukkan majikan berpendapat bahawa lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai tahap kompetensi yang sederhana dalam aspek-aspek pengetahuan dan kemahiran, manakala mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam aspek-aspek sikap dan etika kerja. Secara keseluruhannya majikan berpendapat lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai tahap kompetensi yang sederhana.

ABSTRACT

The changing environment in the business world has put pressure on the accounting profession. The profession is faced with the challenge that come together with growth in the global economy, which requires competencies in knowledge, skills and attitude. This descriptive study was conducted to examine the perceptions of employers towards the competencies of Politechnic's Diploma in Accountancy graduates in the aspects of knowledge, skills, attitude and work ethics. The population of the study are the employers for the accounting graduates from three politechnics, Politeknik Kota Bharu, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah and Politeknik Kuching. Questionnaires were sent by post to 66 respondents and 25 forms were returned. Using the *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) Version 10.0, the data was analysed using descriptive statistics to get percentages and min scores. The results showed that employers found the graduates to be less competent in the aspects of knowledge and skills, while competent in the aspects of attitude and work ethics. Overall, majority of the employers found that the Politechnic's Diploma of Accountancy graduates are still less competent.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Soalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5

1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Skop Kajian	7
1.8	Definisi Istilah dan Operasional	8
1.8.1	Kompetensi	8
1.8.2	Lulusan	10
1.8.3	Persepsi	10
1.8.4	Majikan	10

BAB 2**SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	11
2.2	Kompetensi	11
2.3	Pengetahuan	12
2.4	Kemahiran	14
2.5	Sikap dan Etika Kerja	18
2.6	Kerangka Teori	20

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	21
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Responden / Sumber Data	22
3.4	Instrumen Kajian	24
3.5	Perlaksanaan Kajian	26
3.6	Kaedah Analisis Data	27
3.7	Kajian Rintis	28
3.8	Batasan Kajian	29
3.9	Andaian	30

BAB 4**ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	31
4.2	Maklumat Diri Responden	31
4.3	Persepsi Majikan Terhadap Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik	34
4.3.1	Aspek Pengetahuan	35
4.3.2	Aspek Kemahiran	36
4.3.3	Aspek Sikap dan Etika Kerja	38
4.3.4	Tahap Kompetensi Secara Keseluruhan	40

BAB 5**RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	41
5.2	Rumusan	42
5.2.1	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Aspek Pengetahuan	42
5.2.2	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Aspek Kemahiran	43
5.2.3	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Aspek Sikap dan Etika Kerja	45
5.2.4	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Secara Keseluruhan	46

5.3	Cadangan	46
5.3.1	Cadangan Terhadap Dapatan Kajian	47
5.3.2	Cadangan Bagi Kajian Lanjutan	49
RUJUKAN		50
LAMPIRAN		53

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jumlah Populasi dan Sampel Mengikut Politeknik	24
3.2	Skala Pengukuran Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik	26
3.3	Tafsiran Min dan Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik	28
4.1	Latarbelakang Responden Mengikut Jantina	32
4.2	Latarbelakang Responden Mengikut Umur	32
4.3	Latarbelakang Responden Mengikut Bangsa	33
4.4	Latarbelakang Responden Mengikut Jawatan	33
4.5	Tafsiran Min dan Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik	34
4.6	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Aspek Pengetahuan	35
4.7	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Aspek Kemahiran	37
4.8	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Aspek Sikap dan Etika Kerja	39
4.9	Tahap Kompetensi Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik Secara Keseluruhan	40

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kerangka Teori	20

SENARAI SINGKATAN

AICPA	-	American Institute of Certified Public Accountants
CGA	-	Certified General Accountants Association of Canada
IEG	-	International Education Guideline
IFAC	-	International Federation of Accountants
IPTA	-	Intitusi Pengajian Tinggi Awam
MACPA	-	Malaysian Association of Certified Public Accountants
MLA	-	Malaysian Institute of Accountants
PKB	-	Politeknik Kota Bharu
POLIKU	-	Politeknik Kuching
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Maklumat Diri Lulusan Diploma Akauntansi Politeknik	53
B	Borang Soal Selidik	54
C	Analisis Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik (Kajian Rintis)	59

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020, permintaan terhadap tenaga kerja untuk menyokong perkembangan sektor pembuatan dan perkhidmatan semakin meningkat. Walaupun tidak dapat dipastikan dengan tepat tentang permintaan untuk pekerjaan-pekerjaan tertentu di masa hadapan, tetapi yang pasti terdapat permintaan yang meningkat terhadap pakar-pakar profesional dan teknikal (Md Zabid dan Samsinar, 1996).

Untuk memastikan Malaysia dapat mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju, negara memerlukan sumber tenaga manusia yang mampu melaksanakan tugas yang pelbagai di bawah keadaan tekanan kerja yang tinggi. Rentetan daripada itu, majikan memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu dalam memenuhi keperluan dan tuntutan bebanan kerja dalam persekitaran kerja yang mencabar (Rosiatimah dan Intan Marzita, 2001). Dengan kata lain negara amnya dan majikan khususnya memerlukan pekerja yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam menghadapi cabaran ini.

Pendidikan teknik dan vokasional melalui politeknik-politeknik yang ditubuhkan di seluruh negara adalah bertujuan untuk menghasilkan tenaga mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan industri. Di antara misi utama politeknik adalah untuk melahirkan lepasan yang berwibawa dari segenap sudut bagi memenuhi keperluan pasaran samada sektor awam ataupun sektor swasta. Jadi cabaran terbesar bagi politeknik dalam persekitaran yang global ini adalah bagi merapatkan jurang perbezaan di antara lulusan yang dihasilkan dengan apa yang diharapkan oleh profesion.

1.2 Latarbelakang Masalah

Bidang perakaunan dalam era millennium ini menghadapi cabaran yang begitu hebat selaras dengan perubahan dan kompleksiti persekitaran perniagaan, terutamanya dengan meluasnya penggunaan teknologi maklumat. Cabaran terbesar bagi bidang pendidikan perakaunan adalah untuk menghasilkan dan menyediakan tenaga kerja yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi di mana mereka berkemampuan dan berkemahiran dalam memenuhi kehendak majikan di tempat mereka bekerja (Rosiatimah dan Intan Marzita, 2001).

Semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia supaya menukar kembali pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada tiga tahun kepada empat tahun bermula tahun 2002 (Indramalar, 2001). Keputusan ini dibuat berdasarkan laporan Jawatankuasa Akademik daripada IPTA yang merumuskan bahawa standard graduan yang dihasilkan daripada program tiga tahun adalah tidak memuaskan. Mereka berpendapat jangkamasa tiga tahun adalah tidak mencukupi bagi pelajar membina kemahiran yang diperlukan selaras dengan perubahan fungsi akauntan yang begitu berkembang seiring dengan perkembangan dunia perniagaan yang semakin kompleks.

Menurut French (Rosiatimah dan Intan Marzita, 2001), pada masa dahulu di mana penggunaan teknologi maklumat dan skop perkhidmatan yang disediakan oleh akauntan masih terhad, pendidikan perakaunan di universiti hanya menekankan kepada aplikasi pengetahuan perakaunan dan pengauditan. Tetapi hari ini apabila kurikulum perakaunan masih tidak berubah dan bergerak seiring dengan perkembangan dunia perniagaan, ia dikritik oleh pelbagai pihak kerana disifatkan sebagai terlalu teknikal dan gagal untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran bukan teknikal (*non-technical skills*) dalam diri pelajar untuk memenuhi tahap kompetensi yang diperlukan oleh industri.

Akauntan pada hari ini bukan hanya perlu mahir dalam aspek-aspek teknikal, tetapi juga harus mempunyai kefahaman yang tinggi tentang prinsip dan amalan pengurusan industri, menilai implikasi kewangan dan kesannya terhadap keputusan pengurusan, merekabentuk, menjalankan dan mengawal operasi organisasi secara keseluruhannya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pendidikan perakaunan untuk merealisasikan harapan ini. Matlamat ini selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh *International Federation of Accountants* (IFAC) melalui *International Education Guideline (IEG) No. 9* yang menyatakan :

“The goal of accounting education and experience must be to produce competent professional accountants capable of making a positive contribution over their lifetimes to the profession and society in which they work. The maintenance of professional competence in the face of the increasing changes they encounter makes it imperative that accountants develop and maintain an attitude of learning to learn. The education and experience of professional accountants must provide a foundation of knowledge, skills and professional values that enables them to continue to learn and adapt to changes throughout their professional lives”.

American Institute of Certified Public Accountants (AICPA) melalui ‘The CPA Vision Project – 2001 And Beyond’ menyatarkan beberapa perubahan penting

di dalam dunia perakaunan untuk menghadapi cabaran di zaman millennium ini. Penekanan yang lebih patut diberikan kepada sikap profesional, kemahiran kepemimpinan dan kemahiran komunikasi interpersonal (Takhiah Mohd Iskandar, *et al.*, 2002).

1.3 Pernyataan Masalah

Pihak yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung dalam bidang pendidikan perakaunan bertanggungjawab dalam memastikan graduan yang dihasilkan berupaya dalam memenuhi kehendak industri. Maklum balas majikan terhadap lepasan yang dihasilkan oleh sistem pendidikan ini perlu diambilkira supaya kurikulum dan kaedah pengajaran dapat diubahsuai untuk memenuhi kehendak dan keperluan industri.

Selaras dengan peranan dan matlamat politeknik dalam menghasilkan tenaga kerja separa profesional, pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dan penggubalan kurikulum politeknik perlulah peka kepada kehendak profesion. Ini untuk memastikan tenaga kerja yang dihasilkan daripada sistem pendidikan tersebut mampu mencapai standard yang ditetapkan oleh industri dan seterusnya merapatkan jurang perbezaan di antara kualiti lepasan yang dihasilkan dengan apa yang diharapkan oleh majikan. Oleh yang demikian adalah menjadi hasrat pengkaji untuk meninjau persepsi majikan terhadap tahap kompetensi lulusan Diploma Akauntansi Politeknik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di alam pekerjaan.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat untuk menjawab persoalan-persoalan berikut :

- a) Sejauhmanakah lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai pengetahuan yang dapat membantu mereka dalam melaksanakan pekerjaan?
- b) Sejauhmanakah lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai kemahiran-kemahiran yang dapat membantu mereka dalam meningkatkan keberkesanan kerja?
- c) Sejauhmanakah lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai sikap dan etika kerja ke arah meningkatkan keberkesanan dan produktiviti kerja?
- d) Sejauhmanakah tahap kompetensi yang dimiliki oleh lulusan Diploma Akauntansi Politeknik dalam menghadapi alam pekerjaan?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui persepsi majikan terhadap tahap kompetensi lulusan Diploma Akauntansi Politeknik. Objektif khusus yang ingin dicapai dalam menjalankan kajian ini adalah seperti berikut :

- a) Menenalpasti sejauhmana lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai pengetahuan yang dapat membantu mereka dalam melaksanakan pekerjaan.
- b) Menenalpasti sejauhmana lulusan Diploma Akauntansi Politeknik mempunyai kemahiran-kemahiran yang dapat membantu mereka dalam meningkatkan keberkesanan kerja.

- c) Mengetahui sejauhmana lulusan Diploma Politeknik mempunyai sikap dan etika kerja ke arah meningkatkan keberkesanan dan produktiviti kerja.
- d) Mengetahui sejauhmana tahap kompetensi yang dimiliki oleh lulusan Diploma Akauntansi Politeknik dalam menghadapi alam pekerjaan.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini diharap akan dapat memberikan faedah dan kepentingan kepada pihak-pihak berikut:

- a) Pelajar
 - i) Memberi panduan kepada pelajar Diploma Akauntansi Politeknik tentang aspek-aspek yang diperlukan untuk mencapai tahap kompetensi yang diperlukan oleh majikan dalam menjalankan pekerjaan.
 - ii) Memberi kesedaran kepada pelajar untuk memperluaskan diri dengan pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan mempunyai sikap yang dapat membantu dalam menghadapi alam pekerjaan kelak.
- b) Politeknik
 - i) Memberi maklumbalas kepada pihak politeknik tentang aspek-aspek yang dipentingkan oleh pihak majikan dalam menilai kompetensi pekerja.
 - ii) Membuka minda para pensyarah politeknik supaya mengubah cara dan corak pengajaran supaya kemahiran-kemahiran lain dapat diterapkan kepada pelajar selain pengetahuan dalam bidang khusus yang dipelajari.